

WAKTU SOLAT

Daerah Petaling dan kawasan yang sewaktu dengannya



SUBUH	SYURUK
05:42	07:02
ZUHUR	ASAR
13:12	16:33
MAGHRIB	ISYAK
19:20	20:32

MUTIARA AL-QURAN




“Dan aku tidak ciptakan manusia dan jin melainkan untuk beribadat kepadaku. aku tidak hendak meminta rezeki daripada mereka. sesungguhnya Allah itu pemberi rezeki, kuat dan teguh.”

(Adz- Dzaariyaat 51 : 56 - 58)

Sebarang cadangan & komentar sila e mailkan kepada kami di: suarapiu@yahoo.com atau, hubungi kami di:

PUSAT ISLAM UNIVERSITI,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,
43400 UPM SERDANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: 03-89468582
FAKS: 03-89483742

HEBAHAN & MAKLUMAN



1. Dimaklumkan bahawa Kursus Haji Bersiri 1434H/2013 Pada minggu ini berjalan seperti biasa.
2. Dimaklumkan bahawa penerbitan Suara Pusat Islam mingguan telah digantikan dengan Minbar Putra mulai 03 Mei 2013
3. Dimaklumkan bahawa Kelas Fardhu Ain, Bahasa Arab & Matematik berjalan seperti biasa pada minggu ini
4. Imam / Khatib yang bertugas Juma'at minggu ini **10 Mei 2013 / 29 Jamadilakhir 1434H : Ustaz Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam**
5. Sesi Bacaan al-Quran & terjemahan sebelum Solat Fardhu Juma'at , **Ayat 01 - 07 Surah al-Ghafir** yang akan disampaikan oleh **Ustaz Mohd Asri bin Drahman** (Al-Quran) & (Terjemahan)

JADUAL KULIAH MINGGUAN MASJID

MEI 2013		
10	JUMAAT	Fiqh Lengkap: Ust. Hj. Ismail bin Hj Omar
11	SABTU	Kuliah Maghrib. Ulum At-Tajwid Ust. Fauzi bin Ariffin
12	AHAD	Kuliah Subuh Amalan Sepanjang Hayat: Ust. Hj. Yusof bin Abas Kuliah Maghrib. Hadith Qudsi. Ust. Hj. Ahmadbin Hasbullah
13	ISNIN	Rehlah ila Daar Al-akhirah: Prof. Madya Dr. Hj. Fauzi bin Muhammad
14	SELASA	Riyadh al- Solihin: Prof. Madya Dr. Hj. Wahab bin Md. Salleh
15	RABU	Tazkiratul Maut: Ust Wan Muhamad bin Wan Sulong
16	KHAMIS	Bacaan Surah Yasin

مِمْبَارُ پُتْرَا

Mimbar Putra



RISALAH JUMAAT MINGGUAN MASJID UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Mimbar Putra/02/2013

MENCAPAI KEREDHAAN ALLAH DALAM PEKERJAAN

(Petikan Khutbah JAIS)

SEDUTAN KHUTBAH



Bekerja atau beramal adalah suatu bentuk ibadah jika dilaksanakan mengikut aturan yang diperintahkan oleh Allah SWT. Dalam al-Quran Allah SWT merungkaikan beriman dan beramal adalah asas kepada mendapat ganjaran pahala di akhirat selain mendapat habuan untuk menyara kehidupan didunia. Adalah amat penting kepada kita supaya sentiasa mempertingkatkan iman disamping mempergiatkan amal dan usaha mencari rezeki. Kita tidak boleh memperkukuhkan iman dengan meninggalkan amal kebajikan atau sebaliknya memperbanyak amal tanpa menghiraukan kepentingan beriman.

Islam amat tegas dalam memastikan iman seseorang sentiasa terpelihara hatta dalam perkerjaan untuk mencari rezeki atau nafakah. Seseorang itu tidak harus tenggelam dalam usaha mencari dan mencapai keperluan kehidupan duniawi semata-mata tanpa memikirkan keperluan untuk kehidupan ukhrawi. Bahkan Islam menyeru manusia supaya sentiasa menjaga hubungan baik sesama manusia dan memelihara hubungan dengan alam sekitar dan bertanggungjawab dalam pekerjaan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 77

"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".



Justeru, pekerja yang mengutamakan ganjaran pahala selain mahu meraih keridhaan Allah perlu disertakan dengan niat ikhlas kepada Allah semata-mata. Kerja yang dilakukan bukan kerana Allah adalah sia-sia dan hanya mendapat ganjaran duniawi sahaja. Sabda Rasulullah s.a.w,

"Sesungguhnya setiap pekerjaan itu dilakukan berdasarkan niat. Dan sesungguhnya amalan seseorang itu akan dinilai berdasarkan apa yang diniatkan".

Terdapat segolongan pekerja yang bekerja bersungguh-sungguh dengan niat yang baik. Namun pada hakikatnya mereka juga dikira rugi kerana tertipu dengan hasutan syaitan apabila dalam masa bekerja sanggup menerima rasuah dan penyalahgunaan kuasa, mengadu domba sesama pekerja, meniupkan perasaan hasad dengki dan pelbagai sifat mazmumah. Tidak kurang juga yang dapat menunaikan tanggungjawab sebagai pekerja dengan cemerlang namun gagal dalam memelihara tuntutan syarak yang lebih utama iaitu menunaikan solat lima waktu, menjaga aurat berpakaian serta memelihara batas-batas pergaulan antara lelaki dengan wanita di tempat kerja.

Oleh itu marilah kita berusaha untuk memastikan segala amalan dan pekerjaan yang kita lakukan benar-benar mengikut hukum syarak dan layak mendapat ganjaran yang dijanjikan oleh Allah, mendapat keampunan dan keredhaan-Nya di akhirat kelak.